

OLEH IDZAN ISMAIL

(1981)

KOTA KINABALU, 16 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN PARA PEGAWAI KERAJAAN SUPAYA JANGAN MENGAMBIL BAHAGIAN SECARA LANGSUNG DALAM PERNIAGAAN KERANA DIBIMBANGKAN INI AKAN MENJEJASKAN PENTADBIRAN KERAJAAN YANG LICIN.

PERDANA MENTERI BERKATA PENYERTAAN SECARA LANGSUNG DALAM PERNIAGAAN BOLEH MENIMBULKAN PERTENTANGAN KEPENTINGAN DAN INI AKHIRNYA AKAN MENJADIKAN KERAJAAN LEMAH.

-- BERSAMBUNG 1816/AZ

B629

MAHATHIR-KHIDMAT 2 KOTA KINABALU

DALAM HUBUNGAN INI, KATANYA, KERAJAAN TELAH PUN MENGKAJI SEMULA PERATURAN YANG MEMBENARKAN MEREKA MENGAMBIL BAHAGIAN TERUS DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SEPERTI PADA MASA-MASA LALU.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN +KAISMA KHIDMAT+ BERHARGA \$6 JUTA KEPUNYAAN SYARIKAT KERJASAMA PENGGUNA PERKHIDMATAN AWAM BHD. DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENGGESA PARA PEGAWAI KERAJAAN YANG MASIH MELIBATKAN DIRI SECARA LANGSUNG DALAM PERNIAGAAN SUPAYA +MENGASINGKAN DIRI+ DARI PERBUATAN ITU YANG BERTENTANGAN DENGAN KEHENDAK KERAJAAN.

BELIAU MENJELASKAN PERATURAN ITU BUKAN BERTUJUAN MENGHALANG MEREKA MERASAI NIKMAT PERKEMBANGAN EKONOMI YANG PESAT TETAPI UNTUK MENJAMIN PENTADBIRAN KERAJAAN BERJALAN LICIN DAN PESAT DAN NIKMAT PEMBANGUNAN DAPAT DIRASAI OLEH SEMUA.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENJELASKAN KERAJAAN MEMBENARKAN KAKITANGAN-NYA MEMBUAT PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT SEPERTI SYARIKAT AWAM BERHAD YANG TIDAK MEMBENARKAN SESIAPA SAJA MENGAMBIL KESEMPATAN DARI PELABURAN ITU. -- BERSAMBUNG 1900/SZ

B633

MAHATHIR-KHIDMAT 3 KOTA KINABALU

SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA MEMBENARKAN PARA PEGAWAI DAN KAKITANGANNYA MENUBUHKAN KOPERASI SUPAYA MEREA DAPAT MELABUR DALAM BERBAGAI-BAGAI JENIS PERNIAGAAN TERMASUK MEMILIKI BANGUNAN.

+TETAPI ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN JIKA PARA PEGAWAI KERAJAAN MENUBUHKAN SYARIKAT YANG DIMILIKI ATAU DIURUSKAN SENDIRI OLEH MEREA ATAU RAKAN-RAKAN MEREA KERANA INI AKAN MENIMBULKAN MASALAH TERHADAP PENTADBIRAN NEGARA, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LARANGAN INI MELIPUTI PENUBUHAN SYARIKAT BESAR ATAU KECIL KERANA PENGLIBATAN MEREA SECARA LANGSUNG DALAM SYARIKAT-SYARIKAT ITU AKAN +MEMESONGKAN PEMIKIRAN+ SESEORANG PEGAWAI KERAJAAN ITU TERHADAP PERNIAGAAN MEREA SENDIRI.

BELIAU MEMUJI PERKHIDMATAN AWAM KERANA BERJAYA MENGADAKAN PENTADBIRAN YANG LEBIH CEKAP DAN KUKUH SEKARANG.

MENURUTNYA PENTADBIRAN KERAJAAN SEKARANG TIDAK SEPERTI MASA-MASA DULU YANG HANYA DITUMPUKAN SEMATA-MATA TERHADAP MENGAWAL KEAMANAN DAN PUNGUTAN HASIL TETAPI KINI MELIPUTI SEMUA KEGIATAN POLITIK DAN EKONOMI. -- BERSAMBUNG 1915/SZ

B636

MAHATHIR-KHIDMAT 4 KOTA KINABALU

MENGENAI SYARIKAT KERJASAMA PENGGUNA-PENGGUNA PERKHIDMATAN AWAM SABAH, BELIAU BERHARAP IA AKAN MENJALANKAN KEGIATAN KOPERASI BUKAN SAHAJA DI NEGERI INI TETAPI JUGA DI SARAWAK DAN DI SEMENANJUNG.

BELIAU BERPENDAPAT PENUBUHAN KOPERASI ITU DI LUAR SABAH AKAN DAPAT MENYESEPADUKAN PENDUDUK NEGERI INI DENGAN PENDUDUK DI SARAWAK DAN SEMENANJUNG.

TURUT HADIR DATIN SERI DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH DAN DATIN RUPIAH.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENDENCAR TAKLIMAT TERTUTUP MENGENAI KEGIATAN MAJLIS AGAMA ISLAM SABAH (MUIS) YANG DIBERIKAN OLEH SETIAUSAHA MAJLIS, HAJI HUSSEIN AHMAD. -- BERNAMA 1930/SZ